

BIDASAN KEPADA FAHAM TAK BERTUHAN

Di dalam keluaran kita ini kita telah menyalin rencana dan sajak yang diterbitkan dalam Mastika bilangan 40 dan 41 sebagai contoh fikiran-fikiran yang membawa kepada bencana atau yang boleh meracun fahaman-fahaman mereka-mereka yang tidak kuat imannya dan kurang pengetahuannya tentang adanya atau wujudnya tuhan seru sekalian alam yang berkuasa di dalam segala-galanya. Selainnya ulasan dan sajak itu ada disiarkan pada muka 40).

Kita katakan demikian itu ialah hukum dan oleh kerana ulasan yang diberi oleh pengarang Mastika terhadap kepada buku Anis dan juga dengan menyiarkan sajak Asyraf yang menafikan adanya Tuhan itu adalah menjadi suatu perbuatan yang menunjukkan bahawa mereka-mereka yang menulis itu dengan kerana persuratannya tadi menurut hukum dan kaca mata Islam adalah dengan sendirinya menjadi murtad – terkeluar daripada lingkungan agama Islam dan tidaklah ia termasuk di dalam lingkungan sebagaimana Allah telah firman “*wa man yabtaghi ghayra al-Islami dinan fa lan yuqbalu minhu fa huwa fi al-akhirati min al-khasirin*” Maksudnya barangsiapa berkehendak memeluk agama yang lain daripada Islam maka tidaklah ia akan diterima daripadanya dan ia pada hari akhirat kelak adalah daripada orang-orang yang rugi.

Barangkali pembaca-pembaca akan bertanya mengapakah sebegitu sekali kita berani menuduh mereka itu boleh menjadi murtad. Tuduhan-tuduhan yang kita datangkan itu adalah dengan sebab bahawa tiap-tiap seorang yang syak kepada keEsaan Allah Subhanahu wa Taala itu yakni yang menjadi pokok kepada sandaran Islam maka ia sudah tetap keluar daripada gurisan Islam yang di dalamnya jika ia beristeri tercerai, dan jika ia

bersuami tercerai ia daripada suaminya dan apabila matinya tidak boleh lagi mengikut syarat-syarat sebagai kematian seorang Islam.

Islam adalah membenarkan dan menyuruh seseorang itu menggunakan fikirannya. Seseorang itu adalah bebas boleh berfikir dan di dalam Al-Quran selalu di sebut menunjukkan contoh-contoh bahawa di sana disuruh memerhati kejadian-kejadian yang berlaku pada langit dan bumi yang berputar-putar bagi menjadi saksi kepada keesaanNya tetapi fikiran dan lingkungan itu yakni tiap-tiap kebebasan itu ada mempunyai sempadan-sempanan yang apabila terkeluar daripadanya maka sudah tentu ia terkeluar daripada lingkungan itu yakni terkeluar daripada undang-undang yang menentukan hujah-hujah yang mana yang boleh dipakai atau dijadikan dalil untuk mengEsakannya.

Di dalam Islam tidak sah ibadat seseorang itu melainkan ia mengetahui siapa yang disembahnya tidak ada suatu agama selain Islam di dalam dunia ini yang memberi secukup-cukup kebebasan berfikir mencari dalil-dalil yang tersebut bagi meletakkan tauhidnya menjunjung kebesaran Ilahi dengan bukti-bukti yang terang yang diterima oleh akal dan fikiran mereka-mereka yang siuman-bukannya mereka yang hanya telah tahu membaca faham-faham yang dibawa oleh Protagos atau yang kemudiannya yang telah pun dipecahkan oleh Hujjatul Islam tentang hajat-hajatnya tetapi kasihan kerana ia tidak mengetahui sedikit pun barangkali tentang mana cara berfikir yang siuman itu lalu ia memegang membenarkan kepada fikiran yang al-Had tadi dengan menyebut pula bahawa fikiran yang demikian itu ialah cara fikiran pemuda-pemuda Indonesia khasnya dan pemuda-pemuda Melayu umumnya dengan menafikan

sama sekali akan adanya tuhan itu.

Jika sekiranya majalah atau akhbar yang diterbitkan oleh syarikat Utusan Melayu Press Limited itu tidak dihidangkan kepada orang Melayu yang umumnya beragama Islam tidaklah kita akan berkata di dalam perkara yang tersebut ini tetapi oleh kerana pembacanya umumnya mereka itu maka menerbitkan sesuatu fikiran yang berlawanan dengan perasaan orang Melayu, bahkan menyertai pula fikiran yang tidak bertuhan itu dengan sokongan-sokongan di dalam ulasanya, maka sudah tentu cara yang demikian itu adalah membawa fasun kepada keselamatan agama Islam yang menjadikan tiap-tiap Jabatan Agama di Semenanjung Tanah Melayu ini wajib memerhati bahawa di dalam persuratan-persuratan Melayu atau tulisan-tulisan di dalam akhbar-akhbar Melayu telah ada sesuatu anasir membelakangkan faham bertuhan dan pada sesuatu masa mereka menggunakan pula ayat-ayat Allah menunjukkan seolah-olahnya ia sebagai akhbar Islam tetapi di dalamnya ia membawa anasir tadi meracun perasaan-perasaan mereka yang belum kuat imannya supaya cenderung mencari faham meniadakan tuhan yang disembah iaitu dengan hujah-hujah itu mereka mengatakan bahawa tabiat kejadian manusia itu sahaja yang ada dan tidak sesuatu yang ghaib yang berdiri menjadikan sesuatu di muka bumi ini - *nauzubillah min zalik*.

Kita hairan berfikir mengapa di dalam masa yang moden ini sebahagian belia-belia yang berpelajaran bahasa Inggeris itu telah melarikan diri daripada membaca atau mempelajari selok belok agama Islam. Mereka itu memandang bahawasanya falsafah-falsafah Islam itu tidak ada dan tidak bernas sehingga mereka tidak mengetahui sedikit pun perihalnya. Tetapi kalau ditanya bagaimanakah teori atau faham Karl Marx atau Lenin atau ahli-ahli falsafah Greek mereka dengan segera dapat menerangkan satu persatu. Tetapi kalau ditanya bagaimana keadaan Hujjatul Islam Ghazali yang fikiranannya menjadi pengambilan dasar-dasar hukum di dalam dunia ini atau lain-lain ahli falsafah Islam maka mereka ternganga dan kemudian

berkata bahawa orang-orang itu orang kecil bukan sebagai maka satu lainnya dan kemudian menuduh pula bahawasanya agama Islam itu menghambat kemajuan dan menghalang orang-orang berfikir atau membebaskan fikiran mereka untuk mencari kebenaran.

Kita berasa sangat berdukacita melihat keadaan sebahagian yang sangat kecil belia-belia kita yang telah berperasaan demikian itu. Jika kita bandingkan keluasan fikirannya yang sedang mencari-cari itu dengan fikiran orang-orang Badwi di padang pasir yang tandus tatkala mencari keEsaan tuhan nescaya kita akan tertawa melihat bagaimana mereka hanya terikut-ikut dan terpengaruh kepada barang yang menyesatkan itu dengan tidak sama sekali menggunakan akal dan timbangan sendiri. Orang Badwi di padang pasir itu tatkala berjumpa dengan najis unta maka dengan serta merta ia berpendapatan bahawa tentu ada unta yang mengeluarkannya. Apabila ia melihat di atas padang pasir yang licin itu ada bekas-bekas tapak kaki unta maka dengan serta merta fikiranannya berkata bahawa tentu ada unta yang berjalan di situ. Kemudian bekas kaki-kaki unta itu hilang oleh sebab tiupan-tiupan angin yang membawa pasir-pasir lain menutupnya maka ia berfikir siapakah pula berkuasa di atas angin itu. Demikian juga apabila ia memandang keadaan-keadaan seperti bintang dan bulan di langit yang menunjukkan tentu ada orang yang menyelenggara iaitu barang yang ghaib dan di dalam yang ghaib itu tentu ada sesuatu kekuasaan yang menguasainya dan kekuasaan itu tentulah kekuasaan Illahi yang pada suatu masa menunjukkan kepada sesuatu kejadian yang tidak terfikir oleh manusia tentang dari mana datangnya kekuasaan itu.

Dengan sebab mencari kekuasaan-kekuasaan yang ghaib itulah timbulnya banyak keyakinan-keyakinan kepada manusia untuk mencari kekuasaan yang ghaib tadi lalu setengahnya mempercayai kepada lembu kerana najis lembu itu boleh menghidupkan tumbuh-tumbuhan. Ada yang menyembah matahari, ada yang menyembah berhala dan sebagainya tetapi yang sebenarnya Maha Suci Allah Subhanahu wa Taala daripada disekutukan kepada perkara-perkara yang tersebut itu kerana selagi ada kekuasaan-Nya,

Zat-Nya dan sifat-Nya boleh disamakan atau disekutukan atau diseumpamakan atau disatukan dengan barang yang baharu yang boleh berubah-ubah sudah tetap ia bukannya Allah Subhanahu wa Taala

Oleh itu maka dasar agama yang diturunkan tuhan di dalam dunia ini mengikut peringkat-peringkatnya pada zaman-zamannya. Di dalam masa manusia belum biak - dalam masa Adam dan anak-anaknya maka agama pada masa itu hanya mesti mentaati kepada perintah sahaja. Kemudian setelah manusia banyak sedikit masa Nabi Ibrahim, di dalam masa umat yang sangat membesarkan berhala-berhala sebagai tuhan mereka itu. Dengan adanya Nabi Ibrahim itu timbulah suatu masa (Phase) mengubah daripada taat tadi lalu mencari siapakah Tuhan yang menjadikan bumi ini, iaitu bagi memberikan keterangan-keterangan kepada mereka yang menyembah bukan daripada Allah dan di sinilah Nabi Ibrahim mencari siapakah tuhan yang menjadikan bumi dan langit ini. Yang demikian ini terang digambarkan di dalam Quran meriwayatkan yang demikian itu iaitu bagaimana Nabi Ibrahim tatkala melihat matahari naik berkata : “Inilah tuhanku” kemudian apakala matahari itu terbenam maka ia mengatakan bukan. Demikianlah seterusnya tatkala ia melihat bulan, bintang dan sebagainya daripada barang-barang yang baharu dan apabila barang-barang itu hilang maka baharulah Nabi Ibrahim yakin bahawasanya ada kekuatan yang ghaib yang berdiri di belakang segala-galanya itu iaitu Allah Subhanahu wa Taala Maha Suci Ia daripada segala sesuatu yang baharu yang tidak boleh disekutukan kepada segala apa jua pun. Ini menunjukkan bahawasanya dua peringkat ini yang pertama mengikut perintah dan yang kedua berfikir mencari siapakah yang memerintah itu dan dengan demikian “masa” tadi berubah pula kepada peringkat yang ketiga iaitu dengan datangnya Nabi Allah Musa alaihi salam yang zamanya itu adalah bergantung kepada materialistik (kebendaan) di dalamnya zamannya ini tidak mempercayai sesuatu melainkan kepada sifat kebendaan sehingga masa itu Firaun telah mengadakan syurga dan nerakanya sendiri

untuk melawan keEsaan Tuhan. Zaman itu semata-mata manusia bergantung kepada barang yang nyata (kebendaan) sehingga berlakulah perlawanan-perlawanan di antara kudrat Ilahi berdiri pada satu pihak (tongkat Nabi Allah Musa) melawan kepada sihir-sihir yang diberi jalannya dengan tabiii yang dijadikan tiap-tiap manusia yang Allah melorongkan kepada jalan-jalan yang demikian itu supaya mereka mengetahui tentang kebesaran-Nya. Di dalam pertelagahan dan demikian inilah bagaimana kekuasaan yang diberi olah Allah kepada tongkat Nabi Allah Musa tadi menghapuskan segala sihir-sihir mereka-mereka yang mungkar yang telah yang menjawabkan kepada mereka itu sebagai suatu hujah bahawa ada sesuatu kekuasaan yang berdiri di belakang atau yang ghaib menguasai dunia ini sehingga mereka itu yakin. Keyakinan mereka itu ialah setelah mereka mengetahui bahawa daripada ilmu dan pengetahuan mereka menjadi sangat takjub apabila melihat tongkat Nabi Musa itu telah menelan sekalian sihir-sihir mereka tadi tetapi keadaan tubuhnya tidak berubah seperti ular menelan sesuatu maka sudah tentu perutnya menjadi besar tetapi ini tidak berubah walau barang sedikit pun - di sini mereka paham tentu di sana ada kekuasaan ghaib yang berdiri menegakkan kebenarannya.

Kemudian peringkat itu berubah lagi dengan ketibaan Nabi Allah Isa alaihi salam yang membawa ilmu-ilmu roh (rohaniah) sehingga masyarakat pada masa itu adalah mengutamakan semata-mata kepada ilmu roh tadi dan di sana sini tidak layannya yang diutamakan melainkan di dalam perkara itu. Di sini Allah telah menunjukkan kekuasaan-Nya iaitu dengan memberi mukjizat kepada Nabi Allah Isa alaihi salam dengan membolehkannya bercakap kepada tengkorak dan boleh mengubat penyakit sopak yang kita dapati sehingga hari ini belum seorang tabib pun yang boleh menyembuhkan penyakit itu. Tidakkah ini menunjukkan ada sesuatu kekuasaan yang ghaib yang berkuasa atasnya iaitu kekuasaan Allah Subhanahu wa Taala.

Tunjukkanlah wahai mereka-mereka yang mengaku sedang mencari-cari

kepada sesuatu pegangan itu iaitu apakah bendanya yang boleh menyembuhkan penyakit-penyakit itu dan di manakah ahli-ahli kebendaan atau ahli-ahli sains yang disebut oleh mereka mempunyai kekuasaan yang penuh itu yang boleh memberi kenyataan dan apa bendanya yang menjadikan sebab demikian itu. Fikir sahajalah atas kejadian diri Nabi Allah Isa yang tidak dijadikan dengan berbapa itu sebagai kebalikan kepada Hawa yang dijadikan tidak beribu. Barangkali hujahnya terlampau tinggi kepada mereka itu tetapi marilah kita membawa hujah yang senang yang kerap kali berlaku di hadapan mata kita umpamanya di atas penyakit cacar.

Dunia mengetahui bahawa penyakit cacar itu ialah penyakit yang berjangkit, apabila tiba musim penyakit cacar tadi maka tempat itu dikawal supaya penyakit itu jangan merebak kerana penyakit itu menjangkit tetapi berjangkit dari manakah orang yang mula-mula kena penyakit itu? Di mana ia mendapat penyakit itu? Tidakkah ada sesuatu kekuasaan yang menjadikannya - fikirilah banyak-banyak!

Satu lagi-pada masa ini kita telah memakai elektrik. Elektrik itu menyala apakala positif dan negatif bertemu lalu menjadi api. Tetapi hingga hari ini tidak ada seorang pun di dalam dunia ini yang mengetahui dari mana datangnya kekuasaan yang meliputi kepada benda itu. Juga hingga hari ini ahli-ahli sains belum ada yang tau membuat rumput sebagaimana yang telah ada dan ahli-ahli sains masih belum boleh mengetahui mengapa di merata-rata tempat bahawasanya daun-daun kayu itu sama hijau daunnya. Ini semua tidaklah hajat kita hendak mengulasnya di sini sehingga pada suatu masa kelak apabila tiba masanya. Tiap-tiap seorang kita hendaklah ingat bahawa Allah telah menjadikan manusia berakal dan fikiran, dibuka hemah kepada mereka itu supaya mencari kebahagiaan dunia dan akhirat mencari benda-benda yang tersembunyi di bumi Allah supaya mereka itu mendapat manfaat daripadanya dan sudah memang sunatullah bahawasanya manusia itu diberi kekuasaan otak supaya

mereka berikhtiar membongkar segala isi bumi dan langit bagi menjadikan manfaat kepada mereka itu, kekuasaan yang diberi itu tidak semua didapati sama rata manusia melainkan kepada mereka-mereka yang mendapat petunjuk daripada-Nya. Seseorang yang sememangnya telah mendapat petunjuk menjadi wartawan umpamanya jiwanya tidak akan sesuai dan tidak akan bersukacita dengan lain daripada pekerjaan itu dan demikianlah seterusnya bahawasanya sempadan-sempadan tadi ada ketetapan yang berdiri di belakangnya yang melorongkan mereka itu kepada jalan yang tersebut tadi.

Sekarang marilah kita perhati semula kepada sambungan peringkat turunya agama Allah tadi. Setelah berjalan agama Nabi Isa maka tibalah giliran agama Islam sebagai penamat turun agama Allah itu. Di dalam agama Islam tidak ditentukan seperti sempadan-sempadan kepada agama-agama yang telah lalu tetapi daripadanya diambil tiap-tiap sesuatu perjalanan tadi dibawa di dalamnya. Oleh itu di dalam agama Islam pada suatu tempat wajib menerima perintah sahaja, pada suatu tempat yang lain wajib pula berfikir untuk mengambil keEsaan Tuhannya dan pada pihak yang lain pula diwajibkan pula berusaha dengan ikhtiar yang nyata (kebendaan) untuk mencari kehidupan yang sempurna dan pada sebahagian yang lain pula di sana ada perkara-perkara yang mengandungi fahaman-fahaman rohaniah (Spiritual) di samping itu dengan adanya al-Quran maka diadakannya suatu yang tidak ada di dalam agama-agama yang lain iaitu Allah telah memberi kemuliaan agama Islam itu sebagai agama yang sempurna iaitu dengan diadakan dalamnya peraturan-peraturan dan cara-cara susunan kehidupan sama ada di dalam politik, di dalam ekonomi dan dalam pertadbiran serta di dalam permasyarakatan ditentukan adab-adabnya dengan sempurna dan sebab itulah telah difirmankan Allah kepada Rasulullah (SAW) di dalam Haji al-Wida' bahawa "telah Kami sempurnakan agama kamu....."

Sebelum masa turun al Quran maka pengetahuan ahli-ahli

syair pada masa itu adalah tersangat-sangat tinggi dan kerana itu ahli-ahli syair telah membuat khayal-khayalnya yang tinggi-tinggi menggambarkan kejadian alam dan segala-galanya dengan berbagai-bagai gambaran yang tidak terbatas dengan menafikan dengan adanya Tuhan yang Maha Esa. Dengan kemahiran ahli-ahli syair itu maka mereka dipandang terkemuka dan tinggi tetapi apabila turun al-Quran maka akhirnya ahli-ahli bahasa dan syair tadi kemudiannya mengakui bahawa kalimah Allah itu bukanlah kalimah manusia sebab tiap-tiap perkataan yang terkandung di dalamnya itu sangat luas maknanya dan tujuannya dan yang demikian itu ahli-ahli syair itu mengaku bahawa mereka tidak berupaya membuat yang demikian itu dan fahamlah mereka bahawa mereka suatu makhluk yang lemah dalam serba serbinya sebab ada satu lagi kekuasaan yang lebih di atasnya.

Sekarang teranglah dengan nyatanya kesempurnaan turunnya agama Islam tetapi oleh kerana sesudah wafat Rasulullah (SAW) dan berzaman-zaman kemudiannya telah timbul berbagai-bagai cara dan fahaman yang diada-adakan sebagai penambah kepada pengajaran agama itu dengan dilakukan oleh setengah-setengah daripada mereka-mereka yang mengawal masalahat dan dirinya maka yang demikian agama dari semasa ke semasa semakin turun dan sebab itulah sebahagian daripada mereka-mereka yang tidak mau mengenal kepada agama itu menyangka bahawasanya agama Islam menyekat pada segala-galanya sehingga menyekat kepada adanya kebangsaannya dan sebagainya tetapi yang sebenarnya adalah berlainan. Oleh itulah mereka-mereka yang taksub kepada kebangsaannya yang tidak mengetahui pengajaran agama itu menyangka bahawasanya agama Islam itu menghambat kemajuan tetapi pandangan yang demikian itu salah – salah sama sekali.

Kita tidak sekali-kali mau menerima perkataan yang mengatakan bahawa : “Tetapi kalau memandang keadaan-keadaan pemuda Indonesia sekarang khususnya dan pemuda-pemuda Melayu umumnya maka isi buku (fahaman yang tidak bertuhan itu –P.) sesuai

di dalam membayangkan jalan fikiran pemuda-pemuda tersebut iaitu sedang mencari yang mana satu akan dipilihnya antara Materialism atau Idealism dan dalam mencari itu mereka sayogia mesti lebih dalam lagi mempelajari perbezaan seperti bumi dan langit itu antara kedua jalan fikiran ini.”

Pengarang Mastika mengatakan bahawa pemuda Indonesia khususnya dan pemuda Melayu umumnya - pemuda Indonesia manakah dan pemuda Melayu manakah? apakah pada pendapatan pengarang itu bahawa pemuda-pemuda Melayu itu umumnya sedang mencari keEsaan Allah dan tidak beragama? Jika demikian itu dikatakannya maka jalan fikiran yang dianjurkannya yang sedemikian ini tentu ia telah membawa atau menuduh atau menjadikan pemuda-pemuda Melayu itu umumnya pemuda itu murtad dengan kerana sebagaimana disebut di dalam ayat pada permulaan tadi sesiapa yang syak di atas keagamaannya itu sudah tentu mengeluari dari garis-garis Islam yang tak dapat tiada dengan sebab itu dengan sendirinya ia keluar daripada Islam. Adakah pemuda-pemuda Melayu yang mempunyai turun temurun daripada orang-orang yang berdarah Islam itu redha dikatakan orang yang tercari-cari di dalam keEsaan Allah dan terlingkung di dalam golongan-golongan orang yang murtad?! Habai-habai saya percaya mereka itu tidak akan redha disebut demikian itu terutamanya boleh dikatakan umumnya pemuda-pemuda Indonesia dan juga Melayu jiwanya penuh dengan semangat Islam meyakinkan bahawasanya Allah itu ada dan ialah Tuhan semesta alam yang tidak boleh disekutukan dengan sesuatu pun kepadanya.

Perjuangan Indonesia yang telah berjaya mendapat kejayaan yang penuh bukannya suatu kejayaan yang terbit daripada hanya pemuda-pemuda sebagaimana sangkaan pengarang Mastika itu (sedang mencari-cari fahaman keEsaan Tuhan) – tetapi perjuangan Indonesia berjaya dengan pengorbanan mujahid-mujahid yang terdiri daripada pemuda-pemuda yang percaya bahawasanya kematian mereka itu akan mendapat kebaikan yang mulia oleh kerana mereka itu telah

berjihad mempertahankan kemuliaan watan yang terkandung di dalam hadis Nabi *hubbul watan minal iman*.

Kita mengingatkan kepada rakan kita pengarang-pengarang Utusan Melayu Press Limited tatkala memegang kalamnya mesti ingat bahawa di sekeliling mereka itu ada berdiri orang-orang awam terutamanya pembaca-pembaca orang Melayu yang turun-temurun beragama Islam dan sedia berkorban dengan segala-galanya untuk kemuliaan agamanya. Hendaklah ia mengetahui bahawa fikiran-fikiran mereka itu sangat-sangat tidak redha sesuatu cacat cela yang diletakkan ke dalam agama mereka itu. Asas-asas agama janganlah hendak dicela dan ingatlah bahawa dengan kerana kelancangan kalam yang telah dijalankan oleh mereka itu telah menyakiti perasaan dan hati mereka-mereka yang telah beriman kepada keBesaaran dan keEsaan Allah. Ingatlah jangan mengukur perasaan dan fahaman diri sendiri itu begitulah fahaman umum tetapi kajilah dan bergaulah kepada orang-orang umum baharu mengetahui di mana datangnya perasaan umum itu kemudian bawa ke tengah sebagai fikiran orang umum. Yang demikian ini tidak akan mendapat selagi mereka-mereka yang memegang kalam itu duduk di pejabatnya dan petang balik ke rumahnya dengan tidak bercampur sama sekali atau tidak mau bertanya kepada mereka-mereka yang mengetahui tentang sesuatu yang bersabit dengan agama Allah.

Jangan mudah mencela hukum Allah - jangan mudah mencela mengapa tangan atau kaki dipotong dengan tidak mengetahui sebab-sebab atau asas hukum yang dijalankan kerananya sesungguhnya sia-sia langkah penerbitan itu menarik Sahib al-Fadhilah Kiyai Fadhlullah Suhaimi, sebagai penulis ruangan agamanya sekiranya nasihatnya tidak diminta atas perkara-perkara yang di luar daripada ruangnya. Dengan sifat yang demikian celakalah fikiran-fikiran yang akan menyesatkan kepada umum umat Islam dan kita menyeru kepada tiap-tiap mufti atau jabatan-jabatan agama di Semenanjung Tanah Melayu supaya memerhati kepada fahaman-fahaman yang membawa al-Had yang meracuni kepada orang-orang Melayu yang telah beragama

Islam turun temurun dan yang akan dipertahankan oleh mereka itu walau dengan darah dan nyawa sekalipun.

Di dalam hukum dan pengajaran Islam seseorang yang syak atau tidak puas hati apa lagi mencela kepada hukum-hukum Allah yang telah tersurat dengan terangnya di dalam al-Quran itu maka tidak syak lagi ia keluar daripada lingkungan Islam atau dengan perkataan yang ringkasnya murtad.

Inilah kita mengingatkan kepada pembaca-pembaca di dalam zaman kelemahan dan kelengahan orang-orang kita menunaikan kewajibannya mempertahankan persuratan daripada serangan faham-faham yang membawa racun kepada kehormatan anak-anak kita pada masa yang akan datang supaya berhati-hati menerima faham-faham yang dibawa oleh setengah-setengah mereka itu dengan kerana tercebur oleh memandang agama Islam itu penghambat kepada kemajuan. Ingatlah “jika kamu tidak mengetahui dan tidak mempunyai dasar-dasar yang kuat tentang agama kamu maka hendaklah kamu menjauhkan diri daripada mencuba-cuba daripada mempelajari faham-faham yang boleh menyesatkan. Sebelum kamu dapat mengEsakan dengan yakinnya atas keEsaan tuhan kamu janganlah kamu mencuba-cuba mencarinya kerana yang demikian itu akan membawa kamu keluar daripada garisan kamu pada hal jika kamu menuntunya maka pada ahli-ahlinya maka dengan sendirinya roh dan agama kamu hidup dengan suburnya mengEsakan kebesaran Allah serta meliputi di dalam jiwa kamu sepenuh-penuh makna kepada kalimah tauhid bahawasanya tidak ada tuhan yang disembah dengan sebenar-benarnya melainkan Allah dan bahawasanya Nabi Muhammad itu persuruh Allah yang menyampaikan dan menyempurnakkan agama Allah di dalam dunia ini.”

Kita harap sekianlah dahulu dan jika ada masa dan ada peluangnya maka kita sedia mengulasnya satu persatu hujah-hujah mereka itu. Kita berharap mudah-mudahan rencana ini akan menjadi ingatan kepada pembaca-pembaca supaya menetapkan perdirian mereka itu dan berusaha menuntut pelajaran yang bersifat pelajaran-pelajaran Islam yang mulia. -Pengarang.